

Headline **Guna teknologi tempatan - Muhyiddin**  
Date **05 Mar 2011**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **11**  
Article Size **231 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,008**  
PRValue **6,024**



# Guna teknologi tempatan – Muhyiddin

**PUTRAJAYA** – Tan Sri Muhyiddin Yassin menyeru syarikat-syarikat swasta dan agensi kerajaan agar menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh pusat-pusat penyelidikan tempatan dalam perolehan teknologi mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, hasil penyelidikan tempatan seperti MIMOS Berhad (MIMOS) dan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) adalah bertaraf antarabangsa.

Beliau mengambil contoh syarikat tempatan iaitu Perfisio Solutions Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat milik penuh Utusan Melayu (M) Bhd. berkeyakinan menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh MIMOS.

“Saya berasa sukacita kerana Perfisio menggunakan teknologi tempatan,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Tutor Intelligent Learning Management System (Tutor iLMS) iaitu projek kerjasama antara Perfisio Solutions, MIMOS dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) di sini semalam.

Majlis turut menyaksikan pertukaran dokumen Perjanjian Perlesenan Teknologi antara Mara dan MIMOS.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fa'dillah Yusof; Ketua Setiausaha, Datuk Madinah Mohamad; Pengurus Eksekutif

Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin dan Pengurus Mara, Datuk Seri Idris Jusoh.

Hadir sama Pengurus MIMOS, Datuk Suriah Abdul Rahman; Ketua Pengarah Mara, Ibrahim Ahmad; Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Nasir Ali dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Aziz Ishak.

Sementara itu Mohamed Hashim berkata, Tutor iLMS berkemampuan melebarkan teknik pembelajaran bukan sahaja melalui nota dalam talian dan soalan latih tubi.

Sebaliknya, ia menawarkan satu lagi pengalaman yang lebih menyeronokkan dalam bidang pembelajaran.



MUHYIDDIN (tengah) diberi penerangan mengenai Tutor iLMS sambil diperhatikan oleh Mohamed Hashim (kanan) dan Idris (dua dari kanan) di Putrajaya semalam.